

# STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

## RESPONSIBILITY FOR INTERNAL CONTROL

The Board acknowledges that it is responsible for the Group's system of internal control and for reviewing its effectiveness, adequacy and integrity. It recognizes that the review of the system of internal control is a continuous process, designed to manage rather than eliminate the risk of failure to achieve the Group's business objectives. In pursuing these objectives, internal controls can only provide reasonable and not absolute assurance against material misstatement or loss.

The Board has established processes for identifying, evaluating and managing the significant risks faced by the Group. These processes have been in place for the whole of the financial year ended 31 March, 2005 and have continued up to the date on which this Statement was approved. The Board is confident that these processes provide reasonable assurance on the effectiveness and efficiency of both the financial and operational aspects of the Group.

On 1 April, 2005, the Group completed its restructuring exercise involving the transfer of the reinsurance license, reinsurance business and net assets of the reinsurance business as a going concern to its wholly-owned subsidiary, Malaysian Reinsurance Berhad ("Malaysian Re" or "the Reinsurance subsidiary"). Pursuant to the restructuring exercise, the internal control structures and processes adopted by the Company were similarly put in place in the subsidiary.

## KEY PROCESSES

The key processes that the Board has established for review of the adequacy and integrity of the system of internal controls of the Group are as follows:-

- The Group has a well-defined organisational structure with clear lines of responsibility and accountability.
- The Group's Risk Management policy, setting out the Board's attitude toward risks and the processes to achieve the business objectives of the Group, is clearly documented in the Statement of Risk Management as set out in this Annual Report.
- The Internal Audit Department of the Group, which reports to the Audit Committees, performs regular reviews of the business processes of the Group in an effort to assess the effectiveness of internal controls and to highlight significant risks impacting the Group.
- The Group holds a 20% effective equity interest in its associated company, Labuan Reinsurance (L) Limited ("Labuan Re") through its subsidiary, Malaysian Reinsurance Berhad and is represented on the Board of Labuan Re by two of its directors.

## COMMITTEES OF THE BOARD

The Board has established Committees of the Board with a view to assist and provide added focus in discharging its duties:-

- The Audit Committee, which is appointed by the Board comprises five (5) non-executive directors. The Audit Committee reviews and considers both the internal and external auditors' reports, and in the process gauges the effectiveness and adequacy of the system of internal controls. Appropriate recommendations for improvement are made to the Board for approval.

- The Investment Committee, which comprises five (5) non-executive directors is responsible for reviewing and approving investment proposals, as well as monitoring the Group's investment portfolio to ensure conformity with overall business objectives and statutory requirements.
- The Risk Management Committee, which comprises five (5) non-executive directors, is responsible for the review and recommendation to the full Board on the adoption of appropriate risk management strategies and policies. It is also responsible for the development and monitoring of the risk management process for the Group.
- The Nomination and Remuneration Committees each comprises five (5) non-executive directors. Their main duty is to recommend to the full Board the appointment of directors and to recommend the appropriate remuneration packages, respectively. The Nomination Committee is also responsible for the annual assessment of the effectiveness of the Board.

#### OTHER KEY ELEMENTS OF INTERNAL CONTROL

- The Board has also adopted communication policies to ensure that all decisions made are communicated promptly to staff of all levels within the Group and vice versa where feedbacks and suggestions on improvements could be communicated to the Management and Board.
- The Underwriting Guidelines of the Reinsurance and Takaful subsidiary companies have been put in place to manage risks that are being underwritten.
- Departmental manuals are available within the Group and these set out policies and procedures for day-to-day operations and act as guidance to employees on the necessary steps to be taken in a given set of circumstances. The manuals enable tasks to be

carried out with minimal supervision. It also specifies relevant authority limits to be complied with by each level of Management within the subsidiaries. In this respect, the Reinsurance subsidiary company has also obtained the ISO 9002 certification by SIRIM.

- The Group's financial systems record all transactions to produce monthly and quarterly performance reports that allow the respective Management to focus on key areas of concern.
- A detailed budgeting process has been implemented in the Group where each department prepares a budget for the up-coming financial year for the approval of the Board. The budget is monitored and major variances are followed-up by the respective Management.
- Every employee of the Group is contractually bound to observe prescribed standards of business ethics in the manner of conducting themselves at work and their relationships with external parties such as customers and suppliers. The Group expects each employee to conduct him/herself with integrity and objectivity and not to place him/herself in a position of conflict of interest. The competence of staff personnel is maintained through a structured recruitment process, a performance appraisal system and a wide variety of training and development programmes.

The Board believes that the system of internal controls of the Group is adequate for its purposes and will adequately safeguard shareholders' investments and the Group's assets. Reviews of the state of internal controls are carried out on an on-going basis in accordance with "Statement on Internal Controls: Guidance for Directors of Public Listed Companies", to ensure continued effectiveness of the system and to further strengthen it, where necessary.

This Statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 12 May, 2005.

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

## TANGGUNGJAWAB BAGI KAWALAN DALAMAN

Lembaga mengiktiraf bahawa ia bertanggungjawab bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan dan mengkaji keberkesanan, kecukupan dan ketulusannya. Ia menyedari bahawa kajian sistem kawalan dalaman adalah proses berterusan, direka bentuk untuk mengurus berbanding menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan Kumpulan. Dalam meneruskan objektif-objektif ini, kawalan dalaman hanya boleh menyediakan jaminan munasabah dan bukan mutlak terhadap salah penyataan atau kerugian ketara.

Lembaga telah mewujudkan proses untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses-proses ini telah dilaksanakan bagi keseluruhan tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2005 dan telah berterusan hingga tarikh bila mana Penyata ini telah diluluskan. Lembaga yakin bahawa proses-proses ini menyediakan jaminan munasabah ke atas keberkesanan dan kecekapan kedua-dua aspek kewangan dan operasi Kumpulan.

Pada 1 April, 2005, Kumpulan telah menyelesaikan pelaksanaan penyusunan semula yang melibatkan pemindahan lesen reinsurans, perniagaan reinsurans dan aset bersih perniagaan reinsurans sebagai andaian usaha niaga berterusan kepada anak syarikat milik penuhnya, Malaysian Reinsurance Berhad ("Malaysian Re" atau "anak syarikat Reinsurans"). Menurut pelaksanaan penyusunan semula tersebut, struktur dan proses kawalan dalaman yang sama yang diterimapakai oleh Syarikat telah disediakan di dalam anak syarikat.

## PROSES-PROSES PENTING

Proses-proses penting yang Lembaga telah wujudkan bagi mengkaji kecukupan dan ketulusan sistem kawalan dalaman adalah seperti berikut:-

- Kumpulan mempunyai struktur organisasi jelas dengan pembahagian tanggungjawab dan akauntabiliti yang nyata.
- Polisi Pengurusan Risiko Kumpulan, membentangkan pandangan Lembaga ke arah risiko dan proses-proses untuk mencapai objektif perniagaan Kumpulan, adalah didokumenkan secara jelas dengan terperinci dalam Penyata Pengurusan Risiko seperti yang dibentangkan dalam Laporan Tahunan ini.
- Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, melapor kepada Jawatankuasa Audit, sering mengkaji proses perniagaan Kumpulan dalam usaha untuk menilai keberkesanan kawalan dalaman dan untuk menonjolkan risiko-risiko penting menjejaskan Kumpulan.
- Kumpulan memegang 20% kepentingan ekuiti dalam syarikat bersekutunya, Labuan Reinsurance (L) Limited. ("Labuan Re") melalui anak syarikatnya, Malaysian Reinsurance Berhad dan diwakili dalam Lembaga Labuan Re oleh dua pengarahnya.

## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga berikut dengan tujuan untuk membantu dan memberi tumpuan tambahan dalam melaksanakan kewajipannya:-

- Jawatankuasa Audit, yang telah dilantik oleh Lembaga, dan terdiri daripada lima (5) pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa Audit mengkaji dan menimbangkan kedua-dua laporan juruaudit luaran dan dalaman, dan dalam proses mengukur keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman. Cadangan sewajarnya bagi peningkatan dibuat kepada Lembaga untuk kelulusan.

- Jawatankuasa Pelaburan yang terdiri daripada lima (5) pengarah bukan eksekutif, bertanggungjawab bagi mengkaji dan dan meluluskan cadangan pelaburan, serta mengawasi portfolio pelaburan Kumpulan bagi memastikan kesesuaian dengan keseluruhan objektif perniagaan dan syarat-syarat berkanun.
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang terdiri daripada lima (5) pengarah bukan eksekutif, bertanggungjawab bagi kajian dan pengesyoran kepada Lembaga penuh mengenai penggunaan strategi dan polisi pengurusan risiko yang sesuai. Ia juga bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pemantauan proses pengurusan risiko Kumpulan.
- Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan terdiri daripada lima (5) pengarah bukan eksekutif. Kewajipan utamanya adalah untuk mengesyor kepada Lembaga penuh pelantikan pengarah, dan untuk mencadangkan pakej imbuhan sewajarnya. Jawatankuasa Pelantikan juga bertanggungjawab bagi penilaian tahunan akan keberkesanan Lembaga.

#### LAIN-LAIN ELEMEN PENTING KAWALAN DALAMAN

- Lembaga telah juga menggunakan polisi-polisi komunikasi untuk memastikan bahawa semua keputusan telah dibuat dan disampaikan secara segera kepada semua tahap kakitangan dalam Kumpulan dan sebaliknya dimana maklum balas dan cadangan ke atas peningkatan boleh disampaikan kepada Pengurusan dan Lembaga.
- Garis Panduan Pengunderaitan anak-anak syarikat Reinsurans dan Takaful telah bersedia untuk mengurus risiko-risiko yang diunderait.
- Manual jabatan disediakan dalam Kumpulan dan ia membentangkan polisi dan prosedur bagi operasi harian dan bertindak sebagai panduan kepada kakitangan mengenai langkah-langkah perlu untuk diambil dalam sesuatu keadaan. Manual membolehkan tugas-tugas untuk dijalankan dengan

penyeliaan minima. Ia juga menetapkan had autoriti berkaitan untuk dipatuhi oleh setiap tahap Pengurusan dalam Syarikat dan Kumpulan. Dalam hubungan ini, anak syarikat Reinsurans telah juga memperolehi pensijilan ISO 9002 oleh SIRIM.

- Sistem kewangan Kumpulan merekodkan semua urusaniaga untuk mengeluarkan laporan prestasi bulanan dan suku tahunan yang membolehkan Pengurusan masing-masing untuk menumpu ke perkara-perkara penting yang membimbangkan.
- Proses belanjawan terperinci telah dilaksanakan dalam Kumpulan dimana setiap jabatan menyediakan belanjawan bagi tahun kewangan akan datang untuk kelulusan Lembaga. Belanjawan diawasi dan variasi besar diambil tindakan susulan oleh Pengurusan masing-masing.
- Setiap kakitangan Kumpulan secara kontrak terikat untuk mematuhi piawaian etika perniagaan yang ditetapkan dalam cara mengendalikan diri sendiri di tempat kerja dan hubungan mereka dengan pihak-pihak luar seperti pelanggan dan pembekal. Kumpulan menjangka setiap kakitangan untuk mengendalikan diri dengan ketulusan dan secara objektif dan bukan untuk menempatkan diri mereka dalam kedudukan percanggahan kepentingan. Kecekapan kakitangan dikekalkan melalui proses pengambilan kerja berstruktur, sistem penilaian prestasi dan rangkaian luas program latihan dan pembangunan.

Lembaga percaya bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah kukuh bagi tujuannya dan akan kukuh melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan dengan secukupnya. Kajian berterusan hal ehwal kawalan dalam akan sentiasa dijalankan atas dasar usaha berterusan, selaras dengan "Penyata Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi para Pengarah Syarikat Terserai Awam", untuk memastikan keberkesanan berterusan sistem dan untuk mengukuhkannya lagi apabila diperlukan.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 12 Mei, 2005.